

**DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH:
ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU**

Oleh

Suraya Sintang dan Khadijah Hambali

Abstrak

Kertas kerja ini mengetengahkan perbincangan mengenai idealisme dialog kehidupan dan asas-asas dialog kehidupan yang dipraktikkan dalam masyarakat majmuk di Sabah. Secara teorinya, dialog kehidupan adalah salah satu bentuk dialog antara agama yang lazimnya juga dikenali sebagai 'dialog kultural'. Dialog ini berbeza dengan 'dialog struktural' dari segi kaedah pelaksanaan, kandungan perbincangan, peserta dialog serta tempat dan masa dialog itu berlangsung. Dari segi praktikal, dialog kehidupan dibina dari asas saling kenal mengenali dan berkongsi aktiviti bersama. Perkenalan ini bermula apabila wujud pertemuan dan tinggal bersama antara masyarakat pelbagai agama dan etnik. Fenomena ini menjelaskan dialog kehidupan dibentuk dari lanskap dan platformnya yang tersendiri mengikut konteks masyarakat tersebut. Bagi memahami senario dialog kehidupan di Sabah, kajian ini memfokuskan pengalaman hidup saudara baru pada peringkat sebelum memeluk Islam (pra-konversi) yang memaparkan pertemuan, tinggal bersama dan jalinan perkenalan dengan Muslim. Pendekatan kajian kes dijalankan dengan memfokuskan muafak dari pelbagai etnik yang bermastautin di sekitar Kota Kinabalu. Kajian ini menggunakan metode kualitatif yang berdasarkan teknik temubual mendalam. Analisis data diolah dan dipersembahkan dalam bentuk analisis tematik yang disepadukan dengan transkripsi temubual dalam bentuk nukilan verbatim.

Pengenalan

Istilah 'dialog kehidupan' agak jarang didengar berbanding istilah 'dialog antara agama' yang sering menjadi bahan diskusi ilmiah, forum dan seminar secara formal dalam kalangan sarjana akademik dan tokoh pelbagai agama yang membahaskan isu-isu teologi yang berkaitan dengan persamaan dan perbezaan antara agama dan perkongsian nilai-nilai universal sebagai jaminan keselamatan dan perdamaian manusia sejagat. Namun begitu, tanpa disedari, anggota masyarakat majmuk sebenarnya begitu rapat dengan dialog kerana wujud interaksi seharian, ikatan kekeluargaan, jalinan persahabatan dan perkongsian dalam aktiviti sosial. Suasana interaksi

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

sebegini dikenali sebagai dialog kehidupan ataupun ‘dialog kultural’ yang mempamerkan pertemuan antara penganut pelbagai agama (*encountering the other*) dan perkongsian hidup bersama (*living together*) yang berlangsung dalam interaksi secara informal dan spontan. Unsur yang membezakan antara kedua-dua dialog ini dilihat dari sudut peserta dialog, isu perbincangan, proses dan metode dialog serta tempat dan masa dialog itu berlangsung.

Kertas kerja ini membincangkan model dan kerangka konseptual dialog kehidupan yang diketengahkan oleh pengkaji lepas dalam rangka memahami maksud dan pelaksanaan dialog di peringkat masyarakat awam. Dalam konteks dialog kehidupan di Sabah, kajian ini memfokuskan penelitian terhadap saudara baru yang mempunyai pengalaman berdepan dengan situasi dan interaksi pelbagai agama dan etnik.

Model dan Metode Dialog Kehidupan

Dialog kehidupan ataupun ‘dialog kultural’ tidak seperti dialog wacana ilmu (*dialogue of discourse*) yang mempunyai metode yang berstruktur mengikut format, agenda, kaedah dan peserta tertentu. Sebaliknya metode dialog kehidupan lebih memfokuskan dialog yang melibatkan pengalaman hidup (*life experience*) yang menceritakan ‘kisah hidup beragama’ (*a story of religious narrative*) yang memaparkan nilai-nilai yang dikongsi bersama. Kajian awal menunjukkan mode dan kerangka konsep dialog kehidupan dibina melalui penelitian terhadap interaksi antara kumpulan penganut yang berbeza agama dalam sesebuah masyarakat. Misalnya, J. Mark Hensman (1999) memfokuskan interaksi antara penduduk Buddha dan Kristian dari dua buah kampung di Thailand yang tinggal bersama dalam keadaan aman dan harmoni walaupun berbeza sistem kepercayaan.

For 17 years they have been neighbours. They call each other family. Over the 17 years they have worked together on at least 5 projects and have attended each other’s religious ceremonies on a regular basis. For 17 years they have verbally communicated about common interests, problems, and successes. Over the same period they have communicated about their religious beliefs and faith while never speaking a word about it. In fact they have deliberately avoided talking about it.

Manakala, Marcia Hermansen (2004) pula memfokuskan peranan pelajar Muslim yang menonjolkan identiti sebenar Islam kepada rakan agama lain melalui kaedah dialog non-verbal dengan mengadakan aktiviti yang bersifat ‘*performing mode*’. Seperti yang diungkapkan oleh Marcia Hermansen (2004: 388), “*I came up with three modes of Muslim-Christian dialogue:*

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

conversational dialogues, didactic dialogues and performative dialogue”...*Muslim-initiated dialogue tends to fall primarily into the latter two categories.*” Konsep ‘*performing mode*’ ini menggabungkan hubungan antara perkataan, tindakan dan konteks sebagai landasan ‘dialog kehidupan’ yang memaparkan peranan belia Muslim mempraktikkan Islam dalam kehidupan seharian mereka di kampus. Antaranya ialah melibatkan diri bersama rakan agama lain dalam ‘*shared activist issues*’ seperti gerakan anti peperangan, menghidupkan program minggu kesedaran Islam dan mengadakan *iftar* bersama rakan agama lain.

Perhimpunan pelajar dari kalangan penganut agama Yahudi, Islam dan Kristian dalam program “*The Sacred Stories Project*” merupakan satu lagi model dialog kehidupan yang diadakan oleh *Interfaith Youth Core* (IFYC). Program ini bermatlamat untuk memahami kepelbagaian nilai yang dikongsi oleh pelajar dari agama yang berbeza yang disampaikan melalui penceritaan (*storytelling*) daripada pengalaman peribadi mereka. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Eboo Patel et al. (2008: 41):

“The combination of shared values and storytelling thus allows for what the IFYC calls a ‘dialogue of life’. Young people in IFYC programs spend their time talking about what it is like to be a young person of a particular identity growing up in a diverse world. They make connections between challenges they have in common – such as modesty, dietary restriction and observance of holidays – and they share how they address those challenges in keeping with the unique traditions of their specific religious or moral community.”

Eboo Patel et al. cuba mengetengahkan satu model dialog kehidupan yang berdasarkan penglibatan belia atau golongan muda dengan mempertemukan wakil-wakil belia dari kalangan Muslim, Yahudi dan Kristian. Metode yang digunakan ialah ‘*storytelling*’, iaitu penceritaan yang mengandungi naratif tentang pengenalan identiti diri, sejarah hidup dan pentafsiran semula kisah dan pengalaman hidup beragama. Peringkat pentingnya ‘*storytelling*’ ini kerana metode ini berupaya menjadi laluan dan membuka ruang perbualan yang mengandungi kisah dan pengalaman pelbagai jenis. Selain itu, kaedah *storytelling* ini turut menggalakkan para peserta dialog mengenalpasti dan mengecam pelbagai bentuk nilai yang dikongsi bersama melalui pengalaman peribadi mereka.

Matlamat metode *storytelling* ini ialah membina hubungan antara penganut pelbagai agama dari kalangan golongan belia. Kepentingan metode ini ialah ia memperkasakan golongan belia menjadi guru dan pemimpin masyarakat untuk mempromosi nilai yang mereka kongsi bersama. Patel menyifatkan peserta dialog dari kalangan belia ini sebagai ‘*scholars of their own experience*’ kerana mereka menyampaikan dialog mengikut pengalaman hidup mereka sendiri.

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

Metode *'storytelling'* berbeza dengan dua mode dialog yang sedia digunapakai dalam arena dialog teologi, iaitu pertemuan meja bulat antara pakar-pakar agama seperti *priest, minister, rabbi*, imam dan *swami* dalam membincangkan persamaan dan perbezaan ajaran agama. Metode ini juga berbeza dengan dialog politik yang mempertemukan wakil-wakil Yahudi dan Muslim dalam membincangkan isu Israel-Palestin dan wakil Buddha dan Hindu dalam isu Sri Lanka (Eboo Patel et al. 2008: 42).

Metode ini banyak bergantung kepada fasilitator yang berwibawa dan berupaya menggerakkan peranan setiap peserta dalam memaparkan nilai agama yang mereka miliki dalam kehidupan seharian. Contoh metode *storytelling* daripada naratif dan pengalaman hidup salah seorang kakitangan IFYC seperti yang dinyatakan oleh Eboo Patel (2008: 43):

“Religious holidays were the best time of year, when anonymous presents would magically appear on our doorstep on Christmas morning and on Eid we would have a house full of friends from various faith communities (Christian, Sikh, Hindu etc.) celebrating with us. Aunty Diana, however, was a much more intricate part of our lives. When I was fourteen, my parents performed the pilgrimage of hajj, and, upon their return, my mother began wearing hijab. I, however, had started to grow away from Islam and could not understand my mother’s emerging religious identity. During this time, it was Aunty Diana who would often negotiate and attempt to bridge the growing gap between my mother and me. My family later relocated to Chicago and after a few years, I stumbled upon the path of rediscovering my own religious identity as a Muslim. I started praying, fasting, engaging in community service, and I too decided to wear hijab. Two years ago we were reunited with Aunty Diana for a brief period of time. She visited us and stayed with us in our home. I drove her to church every Sunday, and she woke me when she noticed that I had missed my alarm for Fajr (dawn) prayer“.

Kisah sebegini yang disampaikan melalui metode *'storytelling'* merupakan salah satu kaedah dalam dialog kehidupan, iaitu dialog yang menggambarkan hubungan antara pelbagai penganut dalam interaksi seharian, sambutan perayaan dan pelaksanaan kewajipan amalan beragama (*religious obligation*). Penceritaan ini turut memaparkan sikap dan nilai kerukunan hidup bersama walaupun dipisahkan dengan sempadan peraturan agama (*religious boundries*). Pengalaman hidup sebeginilah yang akan dijadikan sandaran data dalam mengetengahkan metode dialog kehidupan di kalangan individu yang terlibat dalam konversi kepada Islam (saudara baru).

Model kedua dialog kehidupan adalah bersandarkan model *creative shared activity* yang diperkenalkan oleh AbdelAziz Bergout melalui konsep dialog peradaban (2008: 148-152). Dialog

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

peradaban ialah aktiviti yang dikongsi bersama secara kreatif dan digembleng bersama dari pelbagai peradaban dan budaya untuk membentuk persefahaman dan hidup bersama demi kepentingan manusia sejagat. Dialog peradaban mempunyai beberapa elemen yang menjadi tunjang kepada visi dialog ini. Berdasarkan model dialog peradaban yang menekankan elemen 'saling kenal mengenali', 'perkongsian aktiviti bersama' serta 'kepelbagaian manusia dan pluraliti budaya', maka elemen inilah yang akan dilihat dalam konteks dialog kehidupan masyarakat majmuk di Sabah khususnya hubungan keluarga yang mempunyai ahli yang berbeza agama.

Di Malaysia, usaha awal bagi mengetengahkan dialog kehidupan telah mula dijalankan melalui penganjuran *Bengkel Dialog Antara Penganut Agama Mengenai Isu-Isu Semasa* yang diadakan pada Julai 2008 anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Pusat Dialog Peradaban (PDP). Bengkel ini mempertemukan golongan elit dan NGOs dari wakil-wakil agama bagi membincangkan masalah semasa dan mencari jalan penyelesaian dalam menangani cabaran yang dihadapi bersama. Fokus perbincangan melibatkan isu-isu semasa seperti isu penyebaran agama, murtad, penukaran agama dan perceraian. Bagi isu penukaran agama, bengkel ini mengemukakan cadangan penyelesaian seperti menggalakkan penggunaan orang tengah (mediator) bagi meleraikan konflik keluarga akibat daripada penukaran agama, mengadakan sesi kaunseling kepada mereka yang ingin memeluk Islam untuk memberi kefahaman kepada mereka implikasi pada keputusan mereka memeluk Islam serta beberapa cadangan lain (Raihanah Abdullah, *Buletin PDP*).

Demikian juga dengan program '*Spiritual Camp*' yang pernah dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bersama *Malaysia Young Movement* (MYM), sebuah organisasi belia dari etnik Cina di Port Dickson, Negeri Sembilan tahun 1989. Aktiviti yang dijalankan merangkumi pendedahan kepada aspek budaya dan agama kedua-dua agama Islam dan Buddha. Belia Muslim diberikan kefahaman tentang seni *Tai chi* yang merupakan sebahagian daripada latihan ritual agama Buddha. Pada masa yang sama, belia Buddha pula didedahkan dengan pelaksanaan solat secara individu dan berjemaah. Melalui pengalaman ini, para belia merasai sendiri aktiviti merentasi budaya dan agama yang boleh meningkatkan proses integrasi nasional dan visi membentuk masyarakat bertamadun (Muhammad Nur Manuty 1997: 1-3).

Perbincangan isu-isu dialog kehidupan yang diadakan dalam bengkel tersebut merupakan sebahagian daripada metode dialog struktural dalam bentuk diskusi ilmiah yang dihadiri golongan elit dan NGOs. Penganjuran diskusi ilmiah sebegini adalah sebahagian daripada realiti dialog yang diaplikasikan dalam konteks Malaysia. Sungguhpun metode ini digunapakai secara meluas, namun dialog yang berlangsung dalam perkhemahan belia tersebut merupakan satu lagi metode dialog

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

kehidupan yang memaparkan faham agama dalam kehidupan seharian yang melibatkan golongan muda dari pelbagai latar belakang. Kedua-dua metode dialog yang berlangsung dalam bengkel dan perkhemahan tersebut merupakan salah satu metode dialog kehidupan yang bersifat '*classroom experience*' dan memaparkan pengalaman dialog dalam suasana formal. Sebaliknya, satu lagi metode dialog kehidupan yang berlangsung dalam bentuk '*outside classroom*' adalah dialog yang bersifat '*informal experience*' yang melibatkan pengalaman hidup seharian (*daily living together*) seperti kajian Eboo Patel et al.(2008); J. Mark Hensman (1999) dan Marcia Hermansen (2004) yang dinyatakan di atas.

Justeru, metode tersebut sememangnya boleh diaplikasikan dalam konteks hubungan antara agama yang melibatkan aktiviti seharian dan perkongsian dalam aktiviti bersama. Pengalaman hidup yang dilalui oleh individu yang terlibat dalam isu-isu dialog kehidupan seperti *Muslim converts* yang mengalami penukaran agama merupakan salah satu contoh dialog '*outside classroom*' yang memaparkan dialog informal bersama ahli keluarga yang berbeza agama. Model ini dilihat bertepatan dengan konteks dialog kehidupan dalam masyarakat awam kerana suasana interaksi antara saudara baru dengan ahli keluarga yang berbeza agama memaparkan dialog yang tidak bersifat '*classroom experience*' dan tidak terikat dengan interaksi secara formal dan tidak dibatasi dengan ruang dan waktu tertentu. Malah, dialog ini juga bersifat natural, spontan dan tidak hanya melibatkan pertemuan minda tetapi juga pertemuan hati dan perasaan. Keadaan ini secara tidak langsung akan menonjolkan nilai keikhlasan dan keupayaan diri seseorang dalam membentuk sikap toleransi dan memupuk persefahaman pada suatu perbezaan. Betapa pentingnya dialog '*outside classroom*' ini diketengahkan dalam usaha membina hubungan antara agama (*building bridge*), Guat Kwee menjelaskan (2008: 681):

“Such actions of kindness, comfort, understanding, care and assistance help to build the ‘bridge’ and establish relationships beyond words. We need to go beyond tolerating or understanding the other to “embracing the other”. This suggests a different function of dialogue, “one that can bring the hearts, rather than just the minds of people together”. Not only make space within oneself for the other” but also to make physical space for each other.

Justeru, penelitian terhadap pengalaman saudara baru dilihat bertepatan dengan model dialog kehidupan yang mengetengahkan esensi dialog yang tersendiri. Ini kerana esensi dialog tersebut berbeza dengan mekanisme dialog kehidupan yang diadakan dalam bentuk perkhemahan dan bengkel. Sebaliknya, esensi dialog kehidupan dalam konteks pengalaman saudara baru mempunyai unsur persamaan dengan kajian Eboo Patel et al. (2008), J. Mark Hensman (1999) dan

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

Marcia Hermansen (2004). Kajian ini memaparkan konsep tinggal bersama dan interaksi seharian serta berkongsi aktiviti yang sama sebagai faktor utama dalam merealisasikan dialog kehidupan. Perkara inilah yang digambarkan dalam pengalaman hidup saudara baru yang berinteraksi dengan keluarga asal non-Muslim dan rakan Muslim yang lain. Pengalaman ini begitu natural, tanpa dirancang, serta tidak hanya melibatkan pertemuan minda tetapi juga pertemuan hati dan perasaan. Melalui pengalaman tinggal bersama dan interaksi seharian, saudara baru secara tidak langsung akan turut memaparkan identiti Islam dan ciri kehidupan Muslim sebenar. Keadaan ini akan membentuk kefahaman penganut agama lain terhadap Islam melalui dialog non-verbal yang ditonjolkan melalui perlakuan dan tingkah laku saudara baru.

Model dialog kehidupan yang dipaparkan melalui pengalaman saudara baru juga lebih praktikal dan menepati kehendak dialog antara agama di peringkat akar umbi (*interreligious dialogue at the grassroots*). Ini kerana realiti dialog kehidupan di Malaysia, walaupun berlangsung sejak sekian lama dalam suasana tinggal bersama antara penganut agama dan etnik yang berbeza, namun usaha secara konkrit masih belum begitu ketara dan meluas (Ghazali Basri 2005). Merealisasikan dialog di peringkat masyarakat awam sememangnya bukan satu tugas mudah kerana ia memerlukan kebijaksanaan dan daya kreativiti dalam melaksanakan program yang berupaya mengetengahkan mesej instrinsik. Menurut Muhamad Nur Manuty (1997), terdapat dua faktor yang perlu dipertimbangkan dalam usaha merealisasikan dialog kehidupan yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan. Pertama, sikap konservatif yang terdapat dalam semua tradisi agama yang dijangka akan mempertikaikan pelaksanaan program. Kedua, cabaran untuk membina sikap saling percaya mempercayai dan keikhlasan dalam berdialog.

Sememangnya program dialog kehidupan yang dirancang dan diatur pesertanya agak sukar dijalankan atas faktor yang dinyatakan di atas. Justeru, adalah wajar sekiranya peranan saudara baru sebagai peserta dialog dari kalangan masyarakat awam diketengahkan dalam usaha merealisasikan dialog antara agama di peringkat akar umbi. Pengalaman hidup saudara baru dalam hubungan keluarga yang berbeza agama menjadi platform dialog antara agama dan persoalan pokok yang mendorong kepada perlunya dialog diadakan ialah untuk mencari keserasian dan meleraikan salah faham yang mengganggu gugat keharmonian hidup bersama keluarga yang berbeza agama.

Kerangka Konseptual Dialog Kehidupan

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

Kajian di atas merupakan beberapa contoh model dialog kehidupan yang memaparkan penglibatan orang awam sebagai peserta dialog. Penyertaan orang awam ini menunjukkan peserta dialog kehidupan tidak terikat dengan tahap pendidikan dalam bidang agama, namun individu tersebut berupaya menjadikan agama sebagai identiti diri dan mempraktikkan ajaran dan nilai agama dalam kehidupan seharian. Sebagaimana yang disarankan oleh Leonard Swidler (2008: 12), dialog hendaklah melibatkan seluruh lapisan masyarakat dari kalangan wakil agama dan pakar agama dari pelbagai tradisi agama sehingga kepada masyarakat awam. *“Only in this way will the religious, ideological communities learn from each other and come to understand each other as they truly are.”* Perkara yang diperlukan oleh peserta dialog tanpa mengambilkira latar belakang mereka ialah bersikap terbuka untuk belajar dari pihak lain dan mempunyai pengetahuan mengenai tradisi agama sendiri.

Pada asasnya dialog berlaku apabila kita bercakap atau berbual dengan pihak lain dalam keadaan bertukar-tukar maklumat dan idea untuk memupuk persefahaman bersama. Dialog berlaku dalam pelbagai keadaan; secara spontan, perbualan yang berterus terang (*frank conversation*) dan perdebatan yang *‘energetic’*. Keadaan ini memberi ruang dan peluang untuk memahami bagaimana pandangan sejagat pihak lain dan memahami kepelbagaian yang sememangnya menjadi rencam kehidupan. Dialog yang mendalam tidak berlaku dalam forum terbuka, sebaliknya melalui layanan yang baik (*spirit of hospitality*) sehingga seseorang itu merasa seperti berada di rumah sendiri (Miriam Therese Winter 2008: 28).

Secara lebih khusus, definisi konsep dialog kehidupan boleh difahami melalui pernyataan berikut:

i. J. Mark Hensman (1999: 323), *the dialogue of life, on the other hand, is of a different nature (Dretke 1979:139; Borrmans 1981:29; Fernandes 1990:206; Kimball 1991:100; Kroeger 1992:253-269). It was always there. It was unearthed, recognized, acknowledged rather than constructed. It is about how people live: alongside each other, against each other. They rub shoulders. Sometimes concertively, sometimes abrasively. The dialogue of life can be messy. It does not easily fit into agendas. It simply happens. In Hadtang and Phutakrit (Thailand), it happens.*

ii. Volker Kuester (2004: 73), *the dialogue of life takes place in the concrete living-together of people with different religious backgrounds. Often, the borderlines of adherence to a religion go right through traditional large families or town communities. The people experience the rites and festivals of the various religions when they are with their family or neighbours and sometimes take part themselves. Even in urban situations, such experiences are possible. This religious living-*

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

together does not necessarily demand detailed knowledge of the principles of the other religions in question. The dialogue of life is pre-conceptual. It aims at a good living together. This ethical basic motivation is evident, it can count on a broad consensus among people of good will in the various religions and has led to a long series of dialogue initiatives.

iii. Marcia Hermansen (2004: 387), *“I believe that the contexts in which we as individuals operate often determine those we will encounter in our everyday ‘dialogues of life’”. For example, the assumption of the academic environment in which I normally operate is secular humanism. Dialogue was not occurring in Religious Studies at San Diego State when I taught there and even the Theology Department at Loyola University Chicago is not a seminary.*

iv) Ahmad Sunawari Long (2003) menyatakan, “dialog kehidupan ini berlaku apabila ahli sesebuah masyarakat berusaha untuk hidup di luar batasan kelompok mereka. Mereka hidup secara terbuka dan berjiran, bersama-sama berkongsi sedih dan duka dalam masalah kemanusiaan tanpa dibatasi ruang lingkup agama. Ahli masyarakat hidup sebelah menyebelah, dalam satu kawasan perumahan atau kampung sama-sama bergotong royong dan membantu antara satu sama lain di dalam perkara-perkara yang tidak melibatkan keagamaan. Dalam hal ini dialog memerlukan kepada unsur pertemuan antara satu sama lain.”

Berdasarkan definisi di atas, dapat dijelaskan bahawa konsep tinggal bersama merupakan titik tolak dan landasan utama kepada berlangsungnya dialog kehidupan. Situasi dialog kehidupan ini tidak hanya terikat dalam keadaan aman tetapi juga kadang kala diwarnai dengan keadaan yang menggusarkan. Kaedah dan pelaksanaan dialog kehidupan dikatakan agak caca merba (*messy*) kerana tidak terikat dengan tatacara dan agenda tertentu. Ini kerana ia berlaku tanpa diirancang, tidak semena-mena dan spontan. Para peserta dialog yang lazimnya dari kalangan masyarakat awam tidak memerlukan pengetahuan mendalam mengenai agama lain. Matlamat dialog ialah keharmonian hidup bersama yang disemai melalui sikap muafakat.

Atas dasar itu, perbincangan mengenai dialog kehidupan yang menjadi salah satu komponen utama dialog antara agama bukan melibatkan hubungan antara ajaran agama tetapi hubungan antara penganut agama yang berbeza sistem kepercayaan. Mereka ini berperanan sebagai peserta dialog yang membina identiti agama mereka sendiri berasaskan pengalaman hidup mereka dan bergantung kepada perubahan konteks semasa yang mereka hadapi. Pembinaan identiti agama dan pertemuan antara penganut agama yang berbeza ini berlaku apabila wujud kuasa ikatan (*power relation*) antara mereka. Kuasa ikatan ini dipengaruhi dua keadaan. Pertama, kuasa kumpulan agama dalam komuniti tersebut sama ada mempunyai pegangan agama yang kuat

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

ataupun sebaliknya. Kedua, kumpulan agama yang berada dalam kedudukan majoriti dalam komuniti tertentu (Volker Kuester 2004: 73).

Perbezaan antara Dialog Kehidupan dengan Dialog antara Agama

Pada kelazimannya dialog antara agama diistilahkan sebagai dialog struktural dan dialog kehidupan dikenali sebagai dialog kultural. Dialog kultural adalah merujuk kepada dialog kehidupan yang mempamerkan pertemuan antara penganut pelbagai agama dan perkongsian hidup bersama. Kedua-dua dialog ini boleh dibezakan dari segi matlamat dialog. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd. Farid Mohd. Shahrhan (2008: 3):

Dialog antara agama lebih khusus dengan tujuan menjelaskan kebenaran agama masing-masing dan mengelakkan kesilapfahaman dalam kalangan penganut agama. Asas kepada dialog bentuk ini ialah menjalin persefahaman dan bukan bertujuan untuk mengubah mana-mana doktrin agama. Sebaliknya menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai kepercayaan dan kefahaman agama masing-masing. Manakala, dialog kehidupan lebih menumpukan tujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah semasa yang lebih berkait dengan urusan pentadbiran agama dan isu-isu kekeluargaan dan kemasyarakatan. Tujuan dialog di peringkat ini ialah untuk menjamin kelangsungan keharmonian dalam kehidupan bersama (*peaceful co-existence*).

Peri pentingnya dialog kultural ini menurut Ramli Awang (2008: 52) kerana ia memberi keseimbangan dalam membincangkan isu-isu yang tidak diketengahkan dalam 'dialog struktural' yang lebih menitikberatkan persoalan teologi dan spiritual. Selain itu, dialog kultural juga berupaya menimbulkan kesedaran hakikat kepelbagaian agama dan budaya serta membina harapan untuk memupuk perdamaian dalam konflik yang berlaku antara masyarakat. Sikap positif dan kerjasama antara anggota masyarakat pelbagai agama merupakan contoh dan teladan yang dipaparkan dalam dialog kehidupan.

Adalah menarik untuk difahami, bahawa dialog kehidupan dalam keadaan tertentu, akan turut melibatkan perbincangan dan perbualan tentang isu agama khususnya isu yang melibatkan hubungan dengan Tuhan ataupun hukum hakam yang menjadi batasan dan peraturan agama tertentu (*religious boundries*). Ini kerana para peserta dialog yang terlibat adalah terdiri dari kalangan mereka yang prihatin dan mengamalkan ajaran agama ataupun diistilahkan sebagai '*practicing Muslim*' ataupun '*practicing Christian*' (Matthew Ugwoji 2008: 135). Perbezaan

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

dialog kehidupan dengan dialog antara agama yang lain turut dinyatakan oleh J.Mark Hensman (1999: 323):

If interreligious dialogue is essentially a conversation about religion, then it is essentially about communication. If it is about communication then it can occur verbally and/or non-verbally. The conversation about religious beliefs occurs in the dialogue of theological exchange, predominantly verbal. In the dialogue of action, however, while the planning and strategizing related to common action over a particular issue occurs verbally, the conversation about religious beliefs and values occurs as a second conversation, non-verbally. The dialogues of religious experience and of life stand apart again, the conversation occurring predominantly non-verbally.

Pernyataan ini menjelaskan dialog kehidupan lebih menekankan komunikasi non-verbal berbanding dengan dialog antara agama yang lebih bersifat komunikasi verbal. Manakala, Volker Kuester (2004) pula menjelaskan pembahagian dialog dalam dialog kehidupan dipecahkan kepada dua; minda dan hati. Seperti yang diungkapkan oleh Kuester, “*the division of the different types of dialogue in a dialogue of life, one of the mind and one of the heart, is based on the participants, the form and the content in question.*” Secara lebih khusus, dialog kehidupan yang merupakan salah satu daripada komponen dialog antara agama, perbezaannya dengan jenis-jenis dialog yang lain bergantung kepada peserta dialog, kaedah atau metode pelaksanaan dialog dan subjek yang menjadi topik perbincangan dialog.

Sheikh Mohammed Ali menjelaskan pembahagian dialog berasaskan peserta dialog adalah seperti; i) dialog antara individu sama ada melibatkan orang awam atau golongan elit dari kalangan ulama, pemikir dan ahli akademik, ii) dialog antara komuniti, iii) dialog antara kumpulan aliran agama (*mazahib* dan *denomination of churches*), iv) dialog antara agensi kerajaan, v) dialog dengan agama lain, dan vi) dialog dengan peradaban lain. Jika dilihat dari segi pembahagian dialog mengikut kaedah pelaksanaannya, ia dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu, dialog secara langsung seperti media massa dan dialog secara tidak langsung seperti pesanan dari pihak ketiga. Manakala pembahagian dialog dari segi subjek atau tema perbincangan, ia dibahagikan kepada dialog saintifik (wacana ilmiah), dialog politik, dialog budaya dan sosial (<http://www.isesco.org.ma>, dilayari pada 15 September 2008).

Tempat dan masa dialog itu diadakan juga tidak terhad dalam bentuk forum, seminar dan meja bulat. Sebaliknya, lokasi dialog kehidupan berlangsung di mana-mana tempat seperti di kampung, rumah, pejabat, premis niaga, pusat sukan dan rekreasi dan sebagainya. Sebagaimana

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

yang dinyatakan oleh Liyakatali Takim (2004:348), *“It is important to comprehend the multi-faceted dimension of dialogue. Increasingly, dialogue takes place not only in conference but also in schools, work places and even in the neighborhood. Members of communities, not just scholars, talk about their beliefs and violence in the name of religion.”* Pendek kata, dialog kehidupan tidak mengira tempat dan masa kerana dialog ini berlaku secara spontan, bersahaja dan diadakan tanpa dirancang serta tidak tertakluk kepada agenda tertentu. Mekanisme dialog kehidupan bertujuan untuk mengetengahkan nilai yang menekankan keserasian dan keharmonian hidup bersama (*peaceful co-existence*).

Dialog Kehidupan dalam konteks Pengalaman Saudara Baru

Dialog dilihat signifikan dengan kehidupan saudara baru, iaitu individu yang mengalami konversi kepada Islam, kerana mereka bukan sahaja merupakan entiti yang paling hampir dengan masyarakat non-Muslim berdasarkan pengalaman keagamaan mereka yang pernah menjalani kehidupan berteraskan agama lain, tetapi mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat Muslim. Dalam kehidupan saudara baru bersama keluarga asal yang masih kekal sebagai non-Muslim, dialog berupaya merungkai punca masalah dan berpotensi menjana keharmonian beragama dalam meleraikan konflik dan prasangka yang wujud kesan daripada penukaran agama. Peralihan dan perubahan hidup saudara baru kepada cara hidup Islam secara tidak langsung membentuk hubungan dan interaksi dengan masyarakat Muslim. Amalan berdialog bersama masyarakat Muslim memberi ruang dan peluang kepada saudara baru untuk menyemai sikap saling kenal-mengenal budaya dan adat resam masyarakat Muslim. Dalam konteks ini, dialog bukan sahaja berupaya meningkatkan kefahaman mereka terhadap Islam tetapi dialog juga berpotensi menjadi pemudahcara dalam proses saudara baru mengadaptasikan diri mengikut acuan budaya dan cara hidup Muslim.

Perkara yang lebih utama lagi kewajaran dialog dalam kehidupan saudara baru ialah kerana ciri kehidupan mereka pada kelazimannya sering dibelenggu dengan pelbagai masalah kehidupan. Saudara baru berdepan dengan masalah yang melibatkan isu-isu kekeluargaan dan keagamaan seperti tentangan keluarga, perubahan cara hidup mengikut garis panduan Islam, dilema perubahan identiti diri seperti nama, sikap dan tingkah laku, terikat dengan persoalan *dos and dont's*, masalah integrasi sosial dengan komuniti Muslim dan adaptasi budaya dalam menjalankan rutin seharian sebagai Muslim (Mohd Syukri Yeoh Abdullah dan Osman Chuah @ Chuah Hock Leng 2003). Permasalahan yang dihadapi dalam hubungan keluarga yang berbeza agama adalah berpunca daripada perbezaan pendapat yang didorong atas sebab perbezaan agama serta permasalahan yang memerlukan persefahaman dan toleransi yang tinggi. Penyelesaian

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

masalah menuntut perubahan sikap dan pendirian agar kerukunan hidup bersama dapat dibina semula. Atas dasar permasalahan inilah, maka dialog diperlukan untuk merungkai punca masalah dan berperanan sebagai mekanisme perdamaian dalam meleraikan kemelut masalah kekeluargaan yang dihadapi antara saudara baru dengan keluarga asal non-Muslim.

Dalam konteks kehidupan saudara baru, budaya dialog berlangsung dalam dua peringkat kehidupan, iaitu peringkat kehidupan *pre-conversion* dan peringkat kehidupan *post-conversion*. Namun begitu kertas kerja ini hanya membincangkan dialog kehidupan saudara baru peringkat *pre-conversion* yang melibatkan beberapa elemen penting dalam esensi dialog seperti lanskap dan platform dialog. Lanskap dialog dalam kehidupan saudara baru mengetengahkan unsur pertemuan dan tinggal bersama Muslim sebagai kerangka sosial yang mendorong saudara baru mengenali dan mendekati Islam. Fenomena ini semakin berkembang apabila jalinan perkenalan ini memperkukuhkan lagi ikatan persahabatan sehingga membentuk hubungan persemendaan antara kedua-dua pihak yang berlainan agama. Justeru, kertas kerja ini akan memaparkan kajian kes daripada pengalaman saudara baru dalam menggambarkan fenomena dialog kehidupan di Sabah.

Lanskap Dialog Kehidupan

Dialog kehidupan dalam konteks pengalaman saudara baru pada peringkat pra-konversi (*pre-conversion*) dapat dilihat pada situasi dialog yang berasaskan konsep '*li ta'arafu*' (saling kenal mengenali), iaitu model hubungan antara agama yang dinyatakan oleh al-Quran dalam surah *al-Hujurat* (49: 13). Prinsip saling kenal mengenali ini menjadi ikatan persaudaraan antara sesama Muslim, manakala '*li ta'arafu*' antara Muslim dengan non-Muslim merujuk kepada *al-Sulh* yang bertujuan membina dan memupuk situasi damai dan harmonis sesama mereka (Andek Masnah Andek Kelawa 1998: 53). Prinsip saling kenal mengenali ini turut menjadi salah satu elemen penting dalam model hubungan Muslim-Kristian yang diperkenalkan oleh Jane I Smith melalui konsep '*getting-to-know-you*'. Konsep ini merupakan salah satu elemen utama untuk mewujudkan hubungan antara agama dalam masyarakat moden hari ini (Guillaume, S.H. 2007: 12). Manakala, melalui pendekatan antropologi, Meryll Wyn Davies (1992) pula menyatakan bahawa '*Knowing One Another*' (kenal mengenali) adalah satu proses dialog yang mewujudkan hubungan perkenalan sesama manusia.


Ketiga-tiga pendekatan ini mengetengahkan dialog sebagai satu landasan komunikasi dan interaksi yang bukan sahaja memupuk perkenalan dengan pihak lain, tetapi juga secara tidak langsung membawa seseorang itu mengenali agama yang dianuti oleh pihak lain. Perkara ini turut ditegaskan oleh Matthew Ugwoji (2008: 128) bahawa, "*interreligious encounters encourage continued conversion to God and continued growth for lives dedicated to god because they are an*

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

opportunity to learn about other religions.” Ruang perkenalan bukan sahaja membina jalinan hubungan sesama manusia yang berbeza agama tetapi turut memperkukuhkan hubungan dengan Tuhan. Dalam konteks kajian ini, konsep perkenalan ini akan diaplikasikan sebagai salah satu faktor konversi relational, iaitu konversi (penukaran agama) berlaku apabila wujud pertemuan dengan Muslim (*encounter with Muslim*) (Stefano Allevi 2006: 123) ataupun mempunyai pengalaman tinggal bersama Muslim (*living together with Muslim*). Kedua-dua konsep ini merupakan landasan utama kepada lanskap dialog kehidupan yang mewujudkan jalinan hubungan perkenalan antara Muslim dan non-Muslim.

Situasi ini secara tidak langsung mewujudkan interaksi antara kedua-dua pihak yang tanpa disadari konteks hubungan ini menjadi kerangka sosial kepada proses penukaran agama (*religious conversion*). Seperti yang dinyatakan oleh Phyllis Ghim-Lian Chew (2008: 398) *“switching (conversion) always has a context – possibly a ‘pull’ or ‘push’ factor.”* Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Monika Wohrab-Sahr (2006: 73) *“there must be a societal context that makes religious choice possible conversions are often related to intercultural contacts, especially marriage to a Muslim spouse.”* Monika turut menjelaskan perbezaan antara konversi kepada Islam dengan konversi kepada agama-agama lain. Menurut Monika (2006: 86), *“My research show that - compared to other kinds of conversion – conversion to Islam implies a specific form of problem-solving.”* Demikian juga yang dinyatakan oleh Ali Kose (1996: 1), *“... it looks for socialization circumstances that should leave one ripe for plucking. It looks at parental orientations, sex-role education, and the impact of schooling.”*

Kerangka Sosial dan Esensi Dialog Kehidupan Peringkat Pra-konversi



DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

Justeru, kerangka sosial yang mewujudkan hubungan antara saudara baru dengan Muslim pada peringkat pra-konversi dibina dari pelbagai interaksi dan keadaan mengikut saluran yang berbeza dan pengalaman konversi yang berlainan antara satu kes dengan kes lain. Namun begitu, asas kepada interaksi tersebut bermula apabila wujud pertemuan dengan Muslim sehingga membentuk jalinan persahabatan dan persemendaan. Keadaan ini memberi ruang dan peluang kepada mereka melihat Islam sebagai agama yang dapat memenuhi matlamat kehidupan dan boleh memberi penyelesaian masalah. Pendedahan ini memberi impak yang besar dalam kehidupan saudara baru bukan sahaja kerana agama Islam itu dilihat berbeza dengan agama mereka sebelum ini tetapi juga dilihat mempunyai daya penarik yang tersendiri sama ada dari segi ajaran yang melibatkan hubungan dengan Tuhan ataupun hubungan sesama manusia.

Apatah lagi dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia, pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi secara tidak langsung memberi ruang dan peluang kepada masyarakat non-Muslim melihat sendiri cara hidup dan nilai sebenar Islam yang diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat Islam. Keadaan ini merangsang minat non-Muslim (yang kini menjadi saudara baru) untuk mempelajari ajaran Islam dan mencari makna diri mereka yang sebenar. Pencarian ini dalam konteks kehidupan individu yang terlibat dalam penukaran agama diistilahkan sebagai '*searching for the soul*' ataupun '*spiritual transformation*' oleh ahli psikologi agama (Ali Kose 1996; Raymond F. Palutzian & Crytal L. Park 2005). Seperti yang dinyatakan oleh Ali Kose (1996: 1), "*conversion experiences may occur in the soul-searching, sincere man/woman, who may find greater values in beliefs other than those s/he was exposed to in his/her childhood or in an individual who wishes to marry an adherent of a religion other than his/hers.*"

Proses pembelajaran dan pencarian ini berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk pembelajaran secara ilmiah melalui pembacaan buku-buku agama atau menghadiri majlis ilmu, ataupun pencarian yang datang dengan tiba-tiba seperti mengalami mimpi, berdepan dengan peristiwa misteri ataupun mengalami masalah tekanan perasaan tidak tenang. Justeru itu, Dato Dr. Fadhilah Kamsah menyatakan terdapat empat kategori saudara baru di Malaysia, iaitu: i) orang yang mengkaji tentang Islam; ii) orang yang masuk Islam atas tujuan tertentu; iii) orang yang masuk Islam secara tiba-tiba (semena-mena); dan iv) orang yang masuk Islam setelah membuat pemerhatian terhadap cara hidup Muslim.¹

¹ Maklumat ini dikutip dari rancangan TV Oasis (Astro 106) dalam program "*Anjakan Paradigma*" yang dikelolakan oleh Dato' Dr. Fadhilah Kamsah pada setiap hari Selasa jam 10 malam.

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

Situasi ini dapat dilihat melalui pengalaman hidup beberapa kes saudara baru yang berinteraksi bersama rakan dan saudara mara Muslim. Melalui teknik temubual mendalam, responden menyampaikan pengalaman hidup mereka dengan menggunakan *storytelling* (penceritaan). Hasil kajian menunjukkan dialog secara verbal mula berlangsung melalui jalinan persahabatan apabila saudara baru mula mengenali dan menunjukkan minat untuk mempelajari sesuatu yang baru dan berbeza dengan pengalaman transidensi yang dilalui sebelum ini. Misalnya, saudara baru bertanya dengan rakan Muslim tentang hijab, solat dan amalan puasa pada bulan Ramadan yang disertai dengan respon positif dari rakan Muslim yang bukan sahaja memberi jawapan yang jelas tetapi turut menghadihkan bahan bacaan bagi memperjelaskan kefahaman mereka terhadap Islam. Namun pengalaman interaksi yang dilalui oleh saudara baru berbeza antara satu kes dengan kes yang lain seperti yang dipaparkan dalam kes berikut.

Pertemuan dan Pergaulan dengan Muslim

i) Setelah tamat sekolah, mula mengenali Islam melalui pergaulan... Saya kenal mereka ketika satu kerja dengan mereka. Saya ikut-ikut kawan sambut Hari Raya. Di kampung saya, boleh dikira dengan jari berapa orang Islam. Saya ikut kawan yang tinggal di tempat lain. Mula mencari agama ketika bergaul dengan kawan. Sejak mengenali mereka, saya mula tahu tentang Islam sedikit demi sedikit. Kawan-kawan terangkan. Saya juga selalu dengar azan di radio. Saya bertanya tentang puasa. Kawan jelaskan macam mana cara berpuasa.

(Sumber: Temubual pada 26 Julai 2008 di Rumah Kebajikan Teratak Fitrah, Likas, Kadsn/P-Ppang-Resp19)

ii) Kenal Islam sejak kecil, berkawan dengan jiran Islam – ada juga nampak diorang (mereka) sembahyang. Masa sekolah rendah saya sekolah Cina. Sekolah menengah, saya sekolah Melayu, Tingkatan 1, jiran sebelah Islam, dia bawa saya pergi berkhatan, saya *join*. Yang saya tahu berkhatan ni bagus. Ibu pun ndak (tak) larang, pergi klinik, lagipun diorang (mereka) tahu kebaikannya.

(Sumber: Temubual 20 September 2008, di kelas bimbingan Teratak Fitrah, Tatr/L-KK-Resp43)

iii) Saya lihat abang saya, kawan-kawan semasa saya di UiTM dan lepas itu saya ada terfikir dalam hati saya suatu hari nanti saya mesti masuk Islam walaupun keadaan hidup saya macam ini. Sampai satu tahap saya ada terfikir juga walaupun saya mati saya mesti masuk Islam dan lepas itu

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

23hb saya telefon abang saya dan beritahu yang saya mahu masuk Islam dan abang saya kata, “tunggulah dulu”. Saya ambil keputusan tanggal 25hb saya mesti masuk Islam dan pada 25hb Disember saya Islam.

(Sumber: Temubual pada 16 September 2008 di pejabat pengkaji UMS, Kadsn/L-Ran-Resp14)

iv) Sebelum kenal *husband*, ada kawan rapat dari tadika sampai sekolah menengah. Masuk tingkat 4 baru berpisah. Itu saja yang paling rapat mungkin sebab dia Dusun tidak banyak beza budaya. Okey la hubungan tu. Cerita pasal agama ndak kisah, saya pegi rumah dia dan dia pun pegi rumah kami.

(Sumber: Temubual pada 13 Feb 2009 di pejabat responden UMS, Kadsn/P-KMrd-Resp15)

v) Kenal Islam sejak kecil lagi. Saya dari keluarga yang bercerai. Apabila dalam keadaan keluarga bercerai, saya lebih bergaul dengan sesetengah orang dan kebanyakannya beragama Islam. Saya mengenali suatu yang baik dalam agama Islam. Tapi masa tu saya belum mengambil keputusan untuk menukar agama.

(Sumber: Temubual pada 9 Ogos 2009 di pejabat penyelidik UMS, Rgs/L-Mtungg-Resp52)

Kajian kes di atas memaparkan elemen persamaan dalam pengalaman saudara baru sebelum memeluk Islam walaupun mereka berasal dari latar persekitaran dan latar budaya yang berbeza. Persamaan yang begitu ketara ialah mereka pernah bertemu, berinteraksi dan bergaul rapat dengan Muslim. Keadaan ini secara tidak langsung memperlihatkan konsep dialog kehidupan dalam kalangan masyarakat majmuk di Sabah yang dipaparkan melalui pengalaman saudara baru yang dibina hasil daripada percampuran dan pergaulan rapat yang lazim berlaku dalam kehidupan seharian.

Tinggal Bersama Muslim

1. Tinggal bersama rakan seasrama atau rakan serumah yang beragama Islam

i) Selepas berhijrah ke KK (Kota Kinabalu), sambung belajar di kolej dan tinggal di asrama. Pada bulan Ramadan, masa sekolah menengah dahulu, kita tidak ada perasaan, tetapi ketika di asrama, kawan-kawan bila berpuasa mereka mula berpakaian menutup aurat, berbuka puasa beramai-ramai, kemudian pergi solat beramai-ramai pakai telekung, nampak keseragaman. Itu yang membezakan dengan agama dahulu. Bila cuba bertanya kepada kawan-kawan, baru saya faham. Kawan banyak jelaskan tentang cara menutup aurat. Jika dibandingkan masa pergi gereja, kami disuruh mengenakan pakaian perempuan tetapi bebas seperti skirt pendek.

(Sumber: Temubual pada 23 Ogos 2008 di Masjid Negeri, KK, Mrt/P-Tnm-Resp27)

ii) Detik awal, kalau putar balik sejarah masa lalu, masa saya sekolah rendah, itu mungkin agak kurang lah. Tapi klimaks atau pada tahap yang paling optimum saya kenal dengan Islam atau *expose* dengan Islam, lepas saya Darjah 6, okey dapat keputusan cemerlang lah UPSR, Yayasan Sabah hantar belajar di Semenanjung.

And then, 3 tahun tingkatan 1-3, di Sekolah Menengah Han Johari di Sungai Petani. Di sana 3 tahun, kemudian dapat pula masuk MRSM, di Kuantan, Pahang 2 tahun. Masa di Kedah, kita tahukan di Kedah ni sistem pembelajarannya, Ahad sehingga Khamis kan. Memang masa sekolah rendah saya ni kira kuatlah ajaran Katolik kan, bila sudah pergi ke Semenanjung terutamanya di Kedah mahu pergi *Church* susah. Hari Ahad. Selalunya boleh bilang dengan jarilah dalam tempoh 2-3 tahun tu berapa kali saya ke *Church*.

Jadi, di asrama tu, satu bangunan asrama tu, saya seorang sahaja bukan Islam. Jadi *roommate* Islam semua kan, jadi hari-hari nampak dia orang pergi sembahyang, ada tajwid, ada tazkirah.

Ada lagi mengaji dalam bilik, diorang (mereka) pun sendiri tidak pernah sisihkan, marilah join, kalau macam sudah habis sembahyang semuakan, join saja dengar-dengar kuliah macam tu kan. Atau pergi dengar kuliah Subuh. Pergi lah, just dengar sekali dua. Lepas tu kawan semua jenis yang baik, bukan memujuk untuk masuk tapi kita boleh tahu kalau dia ada cara dia sendiri macam mana kita supaya tertarik. Saya sudah nampak benda tu.

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

(Sumber: Temubual pada 4 Feb 2009 di pejabat pengkaji UMS, Kadsn/L-Trn-Resp11)

iii) Saya bekerja di KL, tiga tahun. Jadi, kenal Islam dari Orang Melayu. Tinggal serumah campur orang Melayu dengan bukan Melayu. Masa di KL baru tahu tentang amalan Islam.

(Sumber: Temubual bersama pada 18 Jan 2009 di kelas bimbingan Maahad Tahfiz, Mrt/L-Nbwn-Resp25)

iv) Tingkatan 2, kami pindah alamat sekarang (Bundusan, KK), berjauhan dari sekolah menengah (SMK Putatan). Ambil keputusan tinggal asrama, di situ nampak cara hidup Islam, tengok mereka puasa, sembahyang, ambil wuduk.

(Sumber: Temubual pada 20 September 2008 di kelas bimbingan Teratak Fitrah, Tatr/L-KK-Resp43)

v) Kenal Islam sejak berada di sekolah berasrama penuh (SBP). Pergaulan dari kawan-kawan menjadikan saya mula kenal Islam. Tertarik dengan cara hidup kawan-kawan seperti bersembahyang. Kebanyakan rakan-rakan Islam dan tinggal di asrama yang berdekatan dengan surau. Setiap hari dengar azan Maghrib. Hampir boleh hafal surah *al-Fatihah*.

Saya lihat ajaran Islam lebih jelas dan teratur kerana setiap apa yang kita lakukan ada cara dan aturannya. Dari perkara yang besar sehinggalah ke perkara yang sekecil-kecilnya. Misalnya, cara makan, minum, masuk tandas sehinggalah ke perkara yang melibatkan negara semua ada adab dan caranya. Saya juga lihat agama Islam menyembah Tuhan yang satu, iaitu Allah dengan jelas dan bukan seperti agama lain yang membingungkan.

Walaupun niat di hati berkobar-kobar tetapi saya bersabar dan hanya dapat berdoa agar Tuhan bagi peluang untuk meneruskan niat suci saya itu. Walau bagaimanapun, kesabaran juga ada hadnya, pada suatu hari saya nekad dengan membawa seorang rakan saya pergi JHEAINS untuk memeluk Islam. Maka pada 10.12.1998, niat yang saya simpan selama sepuluh tahun itu, Alhamdulillah tercapai, saya telah memeluk Islam dengan niat yang rela tanpa paksaan.

(Sumber: Temubual pada 17 Jan 2008 di tempat kerja responden Pusat Kesihatan UMS, Sino/P-Kng-Resp40)

2. Tinggal bersama di perkampungan majoriti Muslim

i) Tinggal di kampung majoriti Islam, ada surau. Setiap kali raya, selalu dengar takbir. Masih kecil ketika berumur 10 tahun, menangis ketika dengar takbir. Tetapi sekolah menengah, majoriti Islam di Tuaran. Tengok kawan pakai tudung di sekolah tapi di luar mereka tidak pakai. Bermula dari situ, mula mengkaji tentang Islam “apa Islam ini? Baguskah Islam? Tengok di luar – ramai juga orang Islam tidak pakai tudung. Terfikir berapa jenis Islam ini? Berapa jenis Islam ini? Ada Islam seksi. Setahu saya Islam ini tutup aurat. Mula mengkaji.

Saya tanya kawan tentang Islam, ada berapa jenis? Kalau masa Hari Raya, saya tengok suasana Hari Raya lagi *best* daripada perayaan lain. Bila tengok kawan, selalu solat lima waktu, baik budi pekerti, terpikat dengan gaya mereka. Kalau solat Tarawih, mereka pergi masjid ramai-ramai.

Bila tengok mereka, saya mula tertarik dengan Islam. Bila ada kawan masuk Islam, emak angkat suruh ikut. Tapi ibu tidak benarkan kerana ibu khuatir jodoh dengan orang Islam atau tidak. Hanya selepas tiga kali meminta kebenaran dari emak, baru dibenarkan.

(Sumber: Temubual pada 26 November 2007 di rumah kebajikan Teratak Fitrah, Kadsn/P-Trn-Resp16)

ii) Kenal Islam sejak kecil sebab sekolah tadika semua orang Islam, bila makan baca doa, pendedahan awal, tadika KEMAS. Belajar ‘*alif, ba, ta*’ dan jiran semua Islam. Masa itu tinggal di bandar – *barrack* polis.

Bila hari raya dipanggil pergi rumah sebelah. Apabila sekolah rendah –tidak mahu masuk kelas Pendidikan Moral, duduk luar kelas, time tiada cikgu, tengok orang, lepas itu ustaz tengok pelik kenapa budak ini berdiri di luar pintu. Lepas itu ustaz panggil, suruh duduk dalam, ikut kawan baca rukun iman.

(Sumber: Temubual pada 24 Mei 2008 di rumah responden Apartmen Universiti, Iban/P-Twu-Resp47)

iii) Mula mengenali Islam sejak kecil kerana tinggal berhampiran dengan orang Islam di Kg. Piasau, Kota Belud. Tahu tentang Islam sejak sekolah kerana mengikuti kelas Pendidikan Islam di

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

sekolah. Mula mencari pegangan hidup yang dapat menarik hati. Melihat kedua-dua agama Kristian dan Islam mempunyai persamaan yang besar seperti kisah nabi/rasul terdapat dalam kedua-dua Bible dan al-Quran. Membuat kajian secara berfikir panjang.

I find Islam menarik. Falsafah Islam menarik dan doktrinnya (akidah) - How do you live as a person. Rutin harian terisi. I don't know but I only decide to be one. I just like its doctrine. Bagaimana hubungan antara lelaki dengan perempuan, hubungan antara ibubapa dengan anak. Lelaki sentiasa dianggap number one as a leader. Man as a friend and partner.

(Sumber: Temubual pada 10 Julai di pejabat responden UMS, Kadsn/L-KB-Resp24)

iv) Bapa saya dan saya mula kenal Islam melalui pergaulan, kawan-kawan. Di kampung majoriti Muslim. Di kampung berbilang etnik seperti Bajau, Sungai, Brunei.

(Sumber: Temubual pada 6 Julai 2009 di pejabat responden YADIM, Sung/L-Sgt-Resp49)

3. Tinggal bersama keluarga Muslim

i) Kenal Islam melalui abang kandung saya nombor dua. Dia banyak bantu. Umur 15 tahun saya sudah kerja. tinggal di rumah auntie (Muslim).

Selalu nampak abang sembahyang, puasa. Dalam satu rumah tu ramai Islam, *join* lah puasa. Tiba-tiba cakap dengan auntie, okey la puasa sehingga puasa satu minggu. Pakcik aku cakap, “kenapa puasa?” Aku jawab, “segan tak puasa”.

(Sumber: Temubual pada 8 Februari 2009 di kelas bimbingan Maahad Tahfiz, Rgs/P-Kdt-Resp30)

ii) Saya tinggal dengan keluarga angkat (makcik Muslim) tapi masa itu saya belum masuk Islam sebab mereka suruh saya pilih sendiri. Saya kena pelihara jadi saya tinggal dengan keluarga Muslim. Saya memang RC (Kristian Roman Katolik) sejak kecil sebab sudah dibaptis sejak *baby* lagi.

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

(Sumber: Temubual pada 8 Februari 2009 di kelas bimbingan Maahad Tahfiz, SinoInd/P-Ketiau-Resp6)

iii) Lepas tu ada seorang guru ditugaskan, empat orang kami di sana- satu Islam, tiga bukan Islam. Ditugaskan masa tu, yang menjaga saya tu ialah isteri Pengarah Pelajaran -dia cikgu untuk jaga kami. Dia bawa balik kami- kira keluarga angkat. Mereka Islam- di situ la saya mula tengok kehidupan orang Islam. Tapi dalam masa yang sama saya masih tetap pegi gereja. Bercampur gaul, tengok makanan, struktur keluarga agak teratur. Berterusan sehingga tingkatan 2.

(Sumber: Temubual pada 3 September 2009 di pejabat responden UMS, Iban/L-Swak-Resp53)

Platform Dialog Melalui Jalinan Perkenalan

1. Rakan sekolah

i) Saya kenal Islam semasa saya di tingkatan 6. Minat saya atau keinginan saya untuk mencari agama ini bermula sejak saya berada di tingkatan 4. Saya berasal dari Labuan sekolah menengah saya ialah SMK St. Anthony.

Masa itu saya pun mohon tingkatan 6, masuk tingkatan 6 di SMK Labuan itu memang di depan dia Masjid Jamek Labuan. Jadi selama setahun saya tingkatan 6 bawah saya perhatikan ramai kawan-kawan yang solat, saya mula timbul, masa itu saya masih mengkaji lagi Kristian ini pada masa 6 bawah itu.

Tapi saya nampak yang orang-orang Islam itu kan, saya ini suka bertanya, jadi bila saya nampak contohnya bila dia sembahyang, saya kena tanya kenapa mesti ambil air wudhu baru sembahyang.

(Sumber: Temubual pada 18 November 2008 di pejabat pengkaji UMS, Cina/L-Lbn-Resp1)

ii) Kenal Islam sudah lama, tapi dapat hidayah pada 9/9/2001. Masa sekolah tiada agama (Pagan). Tapi masa sekolah, ada Pendidikan Moral tapi aku pegi kelas Pendidikan Islam, sampai hafal tiga *Qul* dari Darjah 3-6.

(Sumber: Temubual pada 5 Januari 2009 di kelas bimbingan Teratak Fitrah, Sung/L-Sgt-Resp41)

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

iii) Mula kenal Islam, pernah sekolah di ILP Labuan dan kenal melalui kawan. Di ILP, dalam satu bilik itu, enam orang, aku seorang Kristian.

(Sumber: Temubual pada 8 Februari 2009 di kelas bimbingan Maahad Tahfiz, Petagas, Kadsn/P-Tamp-Resp12)

iv) Kenal Islam sejak sekolah di Kota Marudu. Sekolah Cina masa sekolah rendah. Di Kota Marudu banyak Bajau, jadi sekolah Cina tu pun banyak Bajau. Jadi sekolah saya, banyak juga *student* Bajau yang masuk sekolah tu- satu mungkin sana la (mula kenal Islam).

Ada lagi kawan saya tu Dusun-Muslim dan satu lagi sepupu saya. Mungkin saya rasa sana saya kenal Islam. Kalau Pendidikan Moral, kawan saya keluar untuk masuk kelas Pendidikan Islam. Jadi dari sana saya tau ada beza Islam-Kristian.

Kadang terbaca soal jawab agama dari majalah. Masa agama asal, kadang diajar juga agama lain (masa ikut kelas di gereja). Sana lah juga dengar. Tapi tidak lah memeluk Islam masa tu, dengar saja.

(Sumber: Temubual pada 13 Feb 2009 di pejabat responden UMS, Kadsn/P-KMrd-Resp15)

v) Mula kenal Islam sejak sekolah rendah (SK) - memang dah terbiasa. Tapi berjinak-jinak dengan Islam masa umur 14 tahun masa sekolah di Labuan di SMK Labuan. Masa tu kenal dengan seorang kawan, daripada dia, saya berjinak-jinak buat perbandingan antara dua agama. Baca Bible dan sejarah Islam di sekolah. Cikgu-cikgu pun bagi ekstra – bercerita lebih pasal Islam. Masa di UiTM terdedah lebih banyak. Dari situlah bermula la.

Masa di sekolah menengah, tingkatan 3, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam – masa tahun pertama kawan cuba praktik. Ada 2 orang dari kelas Pendidikan Moral ke kelas Pendidikan Islam. Dari sana kami tau belajar sikit-sikit. Masa di UiTM, selain belajar Tamadun Islam secara tidak langsung ada baca buku yang lebih mendalam tentang Islam. Masuk Islam masa tahun 1 semester 2 UiTM (umur 18 thn).

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

(Sumber: Temubual pada 20 Julai 2009 di pejabat responden Federal, Kadsn/P-Kpyu-Resp50)

vi) Saya kenal Islam sejak dari Darjah Satu. Masa tu saya Pagan, saya belajar Pendidikan Islam sejak Darjah Satu. Sebenarnya saya tidak tahu.

Interaksi dengan kawan-kawan Muslim memang rapat dengan diorang. Saya ingat kawan-kawan saya dari dulu hingga sekarang semuanya Muslim. Di kelas tu campur-campur. Kawan Muslim memang rapat sejak sebelum sekolah lagi sehingga kini. Dalam kelas saya majoriti Muslim. Pergaulan dan interaksi dengan Muslim sejak awal.

Dakwah diterima dari seorang ustaz Kelantan, guru sekolah rendah di SK. Pekan Beluran. Saya dapat didikan agama awal, cuma hidayah tu lambat. Darjah 5-6, sudah diajar asas Islam. Asas hidayah yang sampai kepada keluarga ialah melalui mimpi.

(Sumber: Temubual pada 6 Julai 2009 di pejabat responden YADIM, Sung/L-Sgt-Resp49)

vii) Kenal Islam sejak sekolah rendah di SK. Langkawit Papar. Penduduk kampung separuh-separuh, Islam dan Kristian. Kebanyakan Muslim dari etnik Brunei dan Kristian dari etnik Dusun. Masa sekolah rendah sudah diajar 'alif, ba, ta' tahun 70an. Ada subjek tulisan Jawi. Dari sana kita ingin mengetahui secara mendalam tapi masa tu belum ada kesedaran.

(Sumber: Temubual pada 24 Julai 2009 di pejabat responden UMS, Kadsn/L-Ppr-Resp51)

2. Rakan sepasang (*coupling friends*)

i) Tahun 2000 aku berkenalan dengan orang Islam, agama dia ketat (kuat). Dia tanya saya, "kau sanggup masuk Islam? Dia Murut, asal Islam, bapanya polis. Sekali tu saya berfikir satu minggu, sebelum kenal dia memang mahu masuk Islam.

(Sumber: Tembual pada 8 Februari 2009 di kelas bimbingan Maahad Tahfiz, Rgs/P-Kng-Resp30)

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

ii) Kenal suami apabila suami berkawan dengan abang dan suami pandai cakap Cina. Walaupun dilarang oleh ibu, tetapi aku tetap meneruskan hubungan dengan suami.

(Sumber: Temubual pada 6 Ogos 2008 di pejabat pengkaji UMS, Cina/P-Ppang-Resp4)

iii) Saya ni kawin dengan orang Islam. Agama asal RC, saya betul-betul aktif dengan RC. Kawin 1990. Jumpa dengan suami dia ajak kawin.

(Sumber: Temubual pada 20 Julai 2008 di rumah kebajikan Teratak Fitrah, Vis/P-Filp-Resp46)

iv) Kenal Islam setelah kenal suami ketika berada di Amerika. Pertama berjumpa dengan orang Islam. Tidak beragama tetapi tetap percaya kewujudan Tuhan tetapi tidak tahu mana agama untuk dipercayai. Jadikan Islam sebagai pilihan agama. Membuat perbandingan antara Islam, Buddha dan Kristian dan menilai setiap agama tersebut.

(Sumber: Temubual pada 14 Ogos 2007 di pejabat responden UMS, Jpn/P-Jpn-Resp8)

v) Kenal suami (beragama Islam) masa praktikal elektrik di Kompleks Karamunsing (KK), terus kerja di sana, masa tu la kenal suami.

(Sumber: Temubual pada 15 Jan 2008 di rumah responden di Putatan, Rgs/P-KMrd-Resp29)

vi) Saya kenal Islam dari sekolah lagi walaupun saya sekolah Tamil. Semasa saya kahwin dengan isteri saya, saya kena tukar agama jadi dengan rela hati saya tukar agama dan isteri saya orang Melayu-Brunei.

(Sumber: Temubual pada 6 Mac 2009 di Klinik responden, Lok Kawi, Ind/L-Sjung-Resp7)

Berdasarkan kajian kes di atas, secara umumnya, pertemuan dan perkenalan antara penganut agama yang berbeza telah bermula sejak zaman kanak-kanak dan perkara ini merupakan perkara biasa dan boleh dikatakan suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Institusi sekolah berperanan penting dalam memberikan pendedahan awal mengenai agama Islam yang diperolehi daripada rakan dan guru-guru Muslim serta subjek Pendidikan Islam. Namun, kebanyakan kes

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

yang memaparkan perkenalan dan jalinan persahabatan di peringkat sekolah rendah tidak memberi implikasi yang besar kepada penukaran agama jika dibandingkan dengan situasi yang sama pada peringkat sekolah menengah dan universiti.

Sebaliknya, jalinan perkenalan dan ikatan intim antara rakan sepasang yang berlainan agama menunjukkan penukaran agama lebih mudah berlaku. Ini kerana mereka bukan sahaja dipertemukan dengan rakan Muslim yang tegas dan kuat pegangan agamanya tetapi juga penukaran agama kepada Islam menjadi prasyarat antara mereka untuk berkahwin. Dalam sesetengah kes, perkahwinan dijadikan satu penyelesaian masalah (*problem solving*) dan titik tolak kepada saudara baru mencari agama. Terdapat juga kes, penukaran agama bukan suatu yang dirancang, namun apabila dipertemukan dengan jodoh yang beragama Islam, saudara baru akhirnya pasrah dengan keputusan mereka untuk memeluk Islam. Maka tidak hairan, sekiranya proses penukaran agama yang dibentuk melalui perkenalan dengan rakan sepasang yang berbeza agama akan mengambil masa yang panjang.

Lanskap dialog kehidupan yang dipaparkan melalui beberapa kes pengalaman saudara baru di atas merupakan dialog antara agama yang berlaku pada peringkat mikro yang mengkhusus kepada pengalaman individu yang berinteraksi dan melibatkan diri secara aktif bersama penganut agama lain. Interaksi yang berlaku tidak hanya terhad dengan ahli keluarga atau saudara mara yang beragama Islam tetapi juga interaksi bersama rakan-rakan Muslim yang mereka temui. Pengalaman ini diperolehi daripada hubungan sosial yang berlaku pada peringkat sebelum memeluk Islam sehingga fenomena ini menjadi titik tolak kepada proses penukaran agama. Persamaan pengalaman yang mereka kongsi bersama secara umumnya ialah mereka pernah bertemu dan berkenalan dengan Muslim ataupun tinggal bersama Muslim. Keadaan ini membuka ruang perkenalan antara mereka yang berbeza agama. Pertemuan dan interaksi berlangsung dalam kehidupan seharian di pelbagai tempat seperti kawasan kediaman, tempat kerja dan kawasan awam. Seperti yang diungkapkan oleh Lim Ah Eng (2008: 607) “*inter religious dialogues is a necessary field of interaction...*”

Kesimpulan

Kajian awal menunjukkan mode dan kerangka konsep dialog kehidupan dibina melalui penelitian terhadap interaksi antara kumpulan penganut yang berbeza agama dalam sesebuah masyarakat. Konsep dialog kehidupan ataupun dikenali sebagai 'dialog kultural' berbeza dengan 'dialog struktural' yang diadakan dalam bentuk bengkel, forum dan diskusi meja bulat. Kedua-duanya bukan sahaja berbeza dari segi peserta dialog, kaedah pelaksanaan, tempat dan masa dialog itu diadakan, tetapi juga berbeza dari segi matlamat. Dialog struktural bermatlamat untuk menjelaskan ataupun menegakkan kebenaran agama, manakala dialog kultural lebih menekankan tujuan untuk menjamin kelangsungan keharmonian hidup bersama (*peaceful co-existence*).

Penelitian terhadap pengalaman saudara baru dilihat bertepatan dengan model dialog kehidupan dan berupaya menggambarkan konsep dialog antara agama di peringkat akar umbi (*interreligious dialogue at the grassroot*). Berdasarkan kajian kes daripada pengalaman saudara baru, terdapat beberapa asas penting yang menggambarkan senario dialog kehidupan dalam masyarakat majmuk di Sabah. Asas dialog kehidupan ini diperlihatkan melalui konsep interaksi, komunikasi dan hubungan antara agama dalam aktiviti seharian di pelbagai tempat tanpa mengira waktu. Walaupun mereka berasal dari daerah yang berbeza dan mempunyai persekitaran dan latar belakang sosiobudaya dan sosioekonomi yang pelbagai, namun mereka berkongsi persamaan yang serupa. Persamaan yang begitu ketara ialah wujud percampuran dan pergaulan tanpa dibatasi sempadan etnik dan agama. Ini kerana konsep pertemuan dan tinggal bersama telah terbentuk sejak zaman kanak-kanak sama ada dalam bentuk interaksi formal ataupun informal. Fenomena ini secara tidak langsung menonjolkan lanskap dialog kehidupan yang dibina dari elemen pertemuan dan tinggal bersama Muslim yang turut sama membentuk kerangka sosial pada penukaran agama kepada Islam.

Rujukan

- Abdelaziz Berghout. 2008. Meeting the Challenges of Dialogue: Need for Civilisational Vision and Cultural Transformation. (dlm). Thomas W. Simon & Azizan Baharuddin. *Dialogue of Civilisations and the Construction of Peace*. KL: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.
- Ahmad Sunawari Long. 2003. Dialog antara Agama-Agama Pra-syarat Persefahaman antara Agama-Agama. (dlm) Jaffary Awang (et al). *Agama dan Perpaduan Kaum di Malaysia*. Bangi: UKM
- Allevi, Stefano. 2006. Shifting Significance of the halal/Haram Frontier: Narratives on the Hijab and Other Issues. (in). Nieuwkerk, Karin van (ed). *Women Embracing Islam*. Austin: University of Texas Press.
- Andek Masnah Andek Kelawa. 1998. Hubungan Muslim dengan Non-Muslim Menurut Perspektif al-Quran. (dlm). Abdul Ghafar Hj. Don, Berhanudin Abdullah, Zulkiple Abd. Ghani. (pynt). *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Davies, Merlyn Wyn. 1992. *Knowing One Another – Shaping An Islamic Anthropology* (Saling Mengenal: Membentuk Antropologi Islam. (terj). Mohd Sahari Nordin & Norsita Lin Ahmad. KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Basri. 2005. Dialog antara Agama di Malaysia: Pengalaman Lalu, Cabaran semasa dan Prospek. *Siri Monograf Pusat Dialog Peradaban*. No.9.
- Guillaume, Sheila Harvey. 2007. *Developing A Mode For Christian Women in the Town of Suffield, CT to Engage in Dialogue with Muslim Women in the Greater Hartford Area*. A Final Project Report for the Doctor of Ministry Degree. Hartford Seminary. (ProQuest).
- Hensman, J. Mark. Beyond Talk: The Dialogue of Life as the Locus of Non-Verbal Interreligious Dialogue. *East Asian Pastoral Review* 36, 3 (1999): 323-337
- Hermansen, Marcia. Muslims in the Performative Mode: A Reflection on Muslim-Christian Dialogue. *The Muslim World* 94, 3 (2004): 387-396.
- Kose, Ali. 1996. *Conversion to Islam: A Study of native British Converts*. London: Kegan Paul International.
- Kuester, Volker. Who, With Whom, About What? Exploring the Landscape of Inter-Religious Dialogue, *Exchange* 33. 1 (2004). 73-92.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Osman Abdullah@Chuah Hock Leng. The Problems of Mu'allaf in Malaysia. *Islamiyyat Journal of Islamic Studies*. Jilid 24 (2003). 65-84.

DIALOG KEHIDUPAN DI SABAH: ANALISIS PENGALAMAN SAUDARA BARU

- Mohd. Farid Mohd. Shahrani. Dialog antara agama dan peradaban: Pespektif agama dan tamadun. *Kertas kerja Muzakarah Pendisiplinan Dialog Antara Agama dan Peradaban*, 22 Januari 2008.
- Muhammad Nur Manuty. Inter-Civilization Dialogue at the Community Level: The Case of Malaysian Society. *Kertas kerja Seminar Civilisational Dialogue: Present Realities, Future Possibilities*. 15-17 September 1997.
- Patel, Eboo, April Kunze and Noah Silverman. 2008. Storytelling as a key methodology for interfaith youth work. (in). Mays, Rebecca Kratz. *Interfaith Dialogue at the Grass roots* (ed). Philadelphia: Ecumenical Press.
- Phyllis Ghim-Lian Chew. 2008. Religious Switching and Knowledge among Adolescents in Singapore. (in). Lai Ah Eng (ed). 2008. *Religious Diversity in Singapore*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ramli Awang. 2008. *Dialog antara Agama dari Perspektif al-Quran*. Skudai: Penerbiti Universiti Teknologi Malaysia.
- See Guat Kwee. Building Bridges between Christians and Muslims: A Personal Journey. Lai Ah Eng (ed). 2008. *Religious Diversity in Singapore*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Takim, Liyatakali. From Conversion to Conversation: Interfaith Dialogue in Post 9-11 America. *The Muslim World*. 94, 3(2004), 343-355.
- Ugwoji, Matthew C. 2008. *Interreligious Relations and Solidarity: Contextualization The Vision of Francis Cardinal Arinze for Religious Education in Nigeria*. Tesis PhD. Fordham University New York (ProQuest).
- Winter, Miriam Therese. 2008. Doing effective dialogue – and loving it. (in). Mays, Rebecca Kratz. *Interfaith Dialogue at the Grass roots* (ed). Philadelphia: Ecumenical Press.
- Wohrab-Sahr, Monika. 2006. “Symbolizing Distance: Conversion to Islam in Germany and the United States. (in). Nieuwkerk, Karin van (ed). *Women Embracing Islam*. Austin: University of Texas Press.

Internet:

<http://www.isesco.org.ma>, dilayari pada 15 September 2008.